



MOHAMAD menerima cendera kenangan daripada Dr Harun.

# Usaha UMS beri manfaat: Mohamad

NST 20.5.2014 13

**KIMANIS:** Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bongawan, Mohamad Alamin berkata usaha yang dijalankan oleh Universiti Malaysia Sabah dalam mendekati rakyat akan dapat memberi manfaat kepada penduduk kampung dan juga kepada para mahasiswa disamping mengujudkan tali silaturahim di antara penduduk kampung dan pihak UMS.

"Saya yakin aktiviti seumpama ini mampu untuk memberi impak yang besar terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah sekitar Kimanis, serta belia dan masyarakat umum Kimanis yang terlibat dengan aktiviti yang dijalankan sama ada secara langsung maupun tidak langsung," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Karnival Kokurikulum Perdana Bersama Masyarakat Kimanis, anjuran Pusat Kokurikulum Dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kimanis yang merupakan kemuncak kepada siri aktiviti Jaringan Masyarakat Universiti Malaysia Sabah di Kg Brunei di sini pada Sabtu.

Mohamad yang juga Presiden Majlis Hal Ehwal Anak Negeri Sabah berkata program seumpama ini juga akan memberikan pengalaman kepada mahasiswa-mahasiswa UMS yang terdiri dari pelbagai latar belakang agama, bangsa, dan negeri asal dapat melibatkan diri serta memahami adat resam, budaya, dan keadaan di kampung-kampung sekitar Kimanis ini yang mana kelak pengalaman ini sedikit sebanyak amat berguna dalam alam pekerjaan.

Beliau juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penduduk Kg. Brunei, Kimanis kerana telah bekerjasama dengan pihak UMS untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan ini.

"Saya dimaklumkan bahawa sambutan, kerjasama dan komitmen masyarakat di sini amat baik dan ini telah mempastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Mohamad berkata beliau difahamkan banyak aktiviti telah dijalankan yang melibatkan pelbagai pihak. Antaranya termasuklah program yang

memfokus kepada pelajar sekolah menengah seperti program motivasi, ceramah kesedaran dan keselamatan, dan pameran akademik.

"Ini sudah pasti akan memberikan maklumat yang relevan berkaitan pembelajaran ke peringkat universiti, seperti syarat kemasukan, suasana pembelajaran di universiti, dan perkara-perkara seumpamanya," katanya sambti menambah maklumat tersebut sedikit sebanyak dapat memberi pencerahan serta suntikan semangat kepada pelajar sekolah menengah untuk berusaha lebih gigih agar mereka juga akan dapat menjelaskan kaki ke menara gading apabila tiba masanya nanti.

Beliau berkata peluang seperti ini jarang diperolehi dan seharusnya para pelajar merebut peluang keemasan ini.

Mohamad berharap program seperti ini akan dapat diteruskan oleh pihak UMS dengan membabitkan lebih banyak sekolah sekitar Kimanis pada masa akan datang.

"Saya yakin masyarakat di sini sangat mengalui-alukannya kerana saya dimaklumkan, program ini akan dilaksanakan setiap tahun sebagai salah satu daripada projek 'UCE' (University Community Engagement) UMS iaitu salah satu dari usaha UMS untuk memasyarakatkan ilmu terutamanya kepada penduduk di luar bandar. Secara tidak langsung, pihak UMS dapat menyumbang dari aspek pendidikan dan sosial," katanya.

Sementara itu Naib Censelor UMS, Profesor Datuk Dr Mohd Harun Abdullah yang juga anak jati Kimanis mengumumkan SMK Bongawan 2 Kimanis sebagai sekolah angkat UMS.

Turut hadir pada majlis itu Pengarah Pusat Kokurikulum & Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah, Prof. Madya Dr. Raman Noordin Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kimanis, Ahmad Firdauss Datuk Anifah Aman, Pengurus Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kimanis, Zaini Ag. Jair, Pengarah Program Karnival Kokurikulum Perdana Encik Ramli bin Arsi, Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Prof. Madya Dr. Rasid Hj. Mail, Pimpinan Masyarakat Kimanis, Kakitangan UMS dan Masyarakat Kimanis.



PROFESOR Datuk Dr. Mohd Harun mengimbau kenangan di masjid lama Kg. Brunei Kimanis.



PELAJAR Kimanis yang memperolehi keputusan terbaik menerima anugerah dari Dr Harun.



BARISAN pemimpin masyarakat yang hadir.



MOHAMAD dan tetamu lain melawat gerai pameran.



MOHAMAD melawat gerai menjual makanan tradisional.



PROFESOR Madya Dr. Raman Noordin lancar Tamu Kimanis.



SALAH satu persembahan oleh masyarakat Brunei di kampung itu.